

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 31 OKTOBER 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI bina balai cerap pertama di Kelantan	BERNAMA
2.	Pakar bius buka balai cerap di rumah	Berita Harian
3.	Pakar bius buka balai cerap di rumah	Berita Harian Online
4.	Balai cerap pertama di Kelantan	Utusan Online
5.	Gempa bumi kuat di Kepulauan Loyalty	BERNAMA
6.	Persediaan menghadapi banjir	Sinar Harian
7.	Cuti 12,649 pegawai, anggota bomba dibekukan	MyMetro Online
8.	Aplikasi cari ikan	Utusan Online
9.	Tiga saintis wanita diiktiraf L'Oreal - UNESCO	Utusan Malaysia



MOSTI Bina Balai Cerap Pertama Di Kelantan

KOTA BHARU, 30 Okt (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** melalui **Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)** menyemarakkan perkembangan ilmu astronomi di Kelantan dengan pembinaan balai cerap pertama di Kampung Kubang Rawa, Salor, di sini.

Ketua Pengarah ANGKASA, Dr Noordin Ahmad berkata balai cerap tersebut dilengkapi RM250,000 dan dilaksanakan menerusi projek Inovasi Sosial MOSTI (MSI) dengan kerjasama Persatuan Astronomi (Falak) Amatur Negeri Kelantan.

"Ia adalah projek ketiga di bawah MSI selepas pembinaan kemudahan sama di Balai Cerap Persatuan Sabah 'Stargazer' dan pembangunan Online Solar Observatory untuk masyarakat Orang Asli di Dengkil, Selangor," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan projek tersebut di sini hari ini.

Hadir sama, Presiden Persatuan Falak (Amatur) Kelantan, Prof Dr Mahomarawi Omar.

Noordin berkata balai cerap bersaiz 800 kaki persegi itu dilengkapi empat sistem teleskop, kamera digital refleks lensa tunggal (DSLR) yang telah disesuaikan untuk pengimejan astrofoto, ruang pencerapan dan ruang pembelajaran.

Katanya, melalui projek itu komuniti negeri Kelantan terutamanya pelajar dan peminat astronomi dapat mempelajari bidang astronomi moden melalui teori dan praktikal daripada pencerapan dan bengkel yang akan dikendalikan oleh persatuan berkenaan.

Sementara itu, Mahomarawi berkata minatnya yang mendalam dalam bidang astronomi mendorong beliau membuka mini balai cerap di rumahnya di Kubang Kerian sejak 1992 sebelum berpindah ke kediaman baharunya di Kampung Kubang Rawa.

Beliau berkata selepas balai cerap mininya mendapat sambutan menggalakkan, beliau telah memohon bantuan geran MSI melalui persatuan yang ditubuhkan bagi menambahbaik kemudahan sedia ada.

Mahomarawi, yang juga pakar bius di sebuah hospital swasta itu, berkata beliau telah membelanjakan kira-kira RM500,000 untuk kelengkapan balai cerap mininya sebelum ini termasuk 20 buah teleskop.

"Dengan terbinanya balai cerap baharu ini, saya berharap usaha berkenaan akan dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman berhubung bidang astronomi, sekali gus dapat dikembangkan dengan lebih lancar selepas ini," katanya.

Beliau berkata balai cerap itu akan dibuka kepada orang ramai awal tahun depan susulan proses latihan 15 anggota persatuan sedang dijalankan dan kerja-kerja penambahbaikan balai tersebut dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun ini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (INSPIRASI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 31 OKTOBER 2017 (SELASA)

Dr Mahomarawi
(kiri) memberi
penerangan
kepada **Dr Nordin**
(dua dari kiri)
selepas majlis
penyerahan projek
inovasi sosial MOSTI
(MSI) Balai Cerap
Persatuan Astronomi
(FALAK) Amatur
Negeri Kelantan,
semalam.



Melalui balai cerap ini, komuniti Kelantan, terutama pelajar dan peminat astronomi dapat mempelajari astronomi moden dengan teori dan praktikal melalui pencerapan dan bengkel dikendalikan persatuan di sini”

Dr Mahomarawi Omar,
Presiden Persatuan Falak
(Amatur) Kelantan

Pakar bius buka balai cerap di rumah

➔ Minat terhadap angkasa mendorong bina kemudahan bagi kegunaan pelajar, peminat astronomi

Oleh **Syahrerah Mustafa**
bhkb@bh.com

► Kota Bharu

Minat mendalam terhadap bidang astronomi dan angkasa, mendorong seorang pakar bius membuka balai cerap mini di kediamannya, di sini.

Pakar bius sebuah pusat perubatan swasta, Prof Dr Mahomarawi Omar, 56, pada mulanya membuka balai cerap itu di kediamannya di Kubang Kerian pada 1992 sebelum berpindah ke Kubang Rawa, Salor, tiga tahun lalu.

Bermodal RM500,000, usaha beliau mendapat pengiktirafan **Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)** me-

lalui projek **Inovasi Sosial Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**.

Beliau juga menerima sumbangan fasiliti balai cerap pertama di Kelantan bernilai RM250,000.

Dr Mahomarawi yang juga Presiden Persatuan Falak (Amatur) Kelantan, mendapat pendidikan dalam bidang perubatan, namun meneruskan usaha dalam ilmu astronomi melalui pembacaan dan kajian.

“Saya mempunyai minat mendalam dan mahu mengetahui mengenai angkasa, bulan dan bintang sejak kecil. Setiap kali mendengar tafsiran al-Quran, saya tertanya-tanya apabila sampai bahagian yang mendedahkan keindahan

ciptaan Tuhan ini.

“Melalui balai cerap ini, komuniti Kelantan, terutama pelajar dan peminat astronomi dapat mempelajari astronomi moden dengan teori dan praktikal melalui pencerapan dan bengkel dikendalikan persatuan di sini.

Pupuk kesedaran masyarakat

“Pembinaan kemudahan ini ia juga memupuk kesedaran dan minat masyarakat mengenai kepentingan ilmu astronomi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di kediamannya selepas majlis penyerahan projek inovasi sosial MOSTI (MSI) Balai Cerap Persatuan Astronomi (FALAK) Amatur Negeri Kelantan, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Dr Nordin Ahmad.

Dr Mahomarawi berkata, balai cerap itu akan dibuka kepada umum pada Januari tahun depan dengan mengenakan sedikit bayaran.

Sementara itu, Nordin berkata, balai cerap itu projek ketiga pihaknya selepas dilancarkan untuk Persatuan Balai Cerap Sabah Stargazer dan projek solar atas talian untuk masyarakat Orang Asli di Dengkil, Selangor.

“Sumbangan untuk fasiliti dan pembinaan balai cerap ini sejajar pembangunan teknologi dan objektif utama MOSTI untuk mengembangkan bidang astronomi di negara ini,” katanya.



Pakar bius buka Balai Cerap di rumah



DR MAHOMAROWI (kiri) memberi penerangan pada Dr. Noordin (dua kiri) mengenai sistem teleskop dalam Projek Inovasi Sosial (MOSTI) selepas majlis penyerahan Mosti Social Innovation (MSI) Balai Cerap untuk Persatuan Innovation (Falak) Amatur Negeri Kelantan di Kampung Kubang Rawa, Salor.-

KOTA BHARU: Minat mendalam dalam bidang astronomi dan angkasa mendorong seorang pakar bius membuka Balai Cerap mini di kediamannya, di sini.

Pakar bius sebuah pusat perubatan swasta, Prof Dr Mahomarawi Omar, 56, membuka Balai Cerap mini di kediamannya di Kubang Kerian pada 1992 sebelum berpindah ke Kubang Rawa, Salor, tiga tahun lalu.

Bermodalkan RM500,000, usaha beliau mendapat pengiktirafan daripada **Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)** melalui projek **Inovasi Sosial Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**.

Prof Dr Mahomarawi juga menerima sumbangan fasiliti Balai Cerap pertama di Kelantan bernilai RM250,000.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Falak (Amatur) Kelantan, mendapat pendidikan dalam bidang perubatan, namun meneruskan usaha dalam ilmu astronomi melalui pembacaan dan kajian.

"Saya mempunyai minat mendalam dan mahu mengetahui mengenai bidang angkasa, bulan dan bintang sejak kecil. Setiap kali mendengar tafsiran al-Quran, saya akan tertanya-tanya apabila sampai bahagian yang mendedahkan keindahan ciptaan tuhan ini.

"Melalui balai cerap ini, komuniti Kelantan terutama pelajar dan peminat astronomi dapat mempelajari astronomi moden dengan teori dan praktikal melalui pencerapan dan bengkel yang akan dikendalikan oleh persatuan di sini.

"Pembinaan Balai Cerap ia juga memupuk kesedaran dan minat masyarakat kepentingan ilmu astronomi," katanya ketika ditemui di kediamannya selepas Majlis Penyerahan projek Inovasi Sosial Mosti (MSI) Balai Cerap Persatuan Astronomi (FALAK) Amatur Negeri Kelantan, hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) Dr Nordin Ahmad.

Mahomarawi berkata, balai cerap ini akan dibuka kepada umum pada Januari tahun depan dan akan dikenakan sedikit bayaran.

Sementara itu, Nordin berkata, Balai Cerap itu adalah projek ketiga pihaknya selepas dilancarkan untuk Persatuan Balai Cerap Sabah Stargazer dan projek solar atas talian untuk masyarakat Orang Asli di Dengkil, Selangor.

"Sumbangan untuk fasiliti dan pembinaan Balai Cerap ini, sejajar dengan pembangunan teknologi dan objektif utama MOSTI untuk mengembangkan bidang astronomi di negara ini.



Balai cerap pertama di Kelantan



KETUA Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Dr. Noordin Ahmad mencuba salah satu teleskop sambil diperhatikan Presiden Persatuan Astronomi (Falak) Amatur negeri Kelantan, Dr Mahomarawi Omar di majlis penyerahan Projek Inovasi Sosial MOSTI (MSI) Balai Cerap Kota Bharu kepada Persatuan Astronomi (Falak) Amatur negeri Kelantan di Kampung Kubang Rawa, Salor di Kota Bharu hari ini. - UTUSAN/Asma Hanim Mahmood

KOTA BHARU 30 Okt. - **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** melalui **Agensi Angkasa Negara (Angkasa)** dengan kerjasama Persatuan Astronomi (Falak) Amatur Kelantan membina balai cerap pertama di negeri ini termasuk kemudahan dua teleskop bernilai RM250,000.

Ketua Pengarah ANGKASA, Dr. Noordin Ahmad berkata, pembinaan fasiliti berserta kelengkapan teleskop di Kampung Kubang Rawa, Salor itu dilaksanakan di bawah Projek Inovasi Sosial (MSI) MOSTI bagi memupuk kesedaran dan minat masyarakat negeri ini kepada ilmu astronomi dan angkasa.

Beliau berkata, ini merupakan projek MSI ketiga sejak 2015 selepas pembinaan Balai Cerap Persatuan Sabah Stargazer di Papar, Sabah dan perkhidmatan Observatori Solar Atas Talian untuk masyarakat Orang Asli di Dengkil, Selangor.

“Objektif utama projek MSI adalah untuk mengembangkan ilmu sains dan teknologi termasuk astronomi yang merupakan bidang fokus negara dan diletakkan dalam kokurikulum di sekolah.

“Balai Cerap Kota Bharu adalah balai cerap rasmi pertama di negeri ini dan kita harap ia akan memberi manfaat terutamanya kepada pelajar dan penggemar astronomi untuk datang dan mengambil maklum perkembangan terkini bidang ini.

“Balai cerap yang bersaiz 800 kaki persegi (74.5 meter persegi) ini dilengkapi dengan empat sistem teleskop; kamera digital refleks lensa tunggal (DSLR) yang disesuaikan untuk pengimejan astrofoto; ruang pencerapan dan pembelajaran,” katanya di majlis penyerahan projek MSI Balai Cerap Kota Bharu kepada Persatuan Astronomi (Falak) Amatur negeri Kelantan di sini hari ini.

Difahamkan balai cerap ini akan siap dibina sepenuhnya pada bulan depan dan dibuka kepada orang ramai Januari ini.

Sementara itu, Presiden Persatuan Astronomi (Falak) Amatur Kelantan, Dr Mahomarawi Omar berkata, pihak persatuan memohon geran MSI MOSTI itu pada 2015 dan ia diluluskan pertengahan tahun lalu bagi pembinaan sebuah balai cerap di atas tanah miliknya di sini.

Mahorawi yang juga pakar bius di sebuah hospital swasta berkata, sebelum ini beliau telah membuka balai cerap mini di rumah lamanya di Kubang Kerian dan mendapat sambutan hangat peminat astronomi tempatan sehingga membawa kepada penubuhan persatuan.

“Sejak dahulu saya telah membelanjakan kira-kira RM500,000 termasuk 20 teleskop pelbagai saiz yang turut bakal digunakan di Balai Cerap Kota Bharu.

“Saya amat mengharapkan semua pihak mengambil peluang ini terutama para pendakwah kerana astronomi atau falak adalah sebahagian ilmu yang diasaskan ulama terdahulu,” katanya. - UTUSAN ONLINE



Gempa Bumi Kuat Di Kepulauan Loyalty

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.4 skala Richter melanda Kepulauan Loyalty, di Lautan Pasifik Selatan pada 8.42 pagi hari ini.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, gempa itu tidak mendatangkan ancaman tsunami.

Kepulauan Loyalty terletak kira-kira 6,321 kilometer tenggara dari Semporna, Sabah.

Sementara itu, gempa bumi sederhana berukuran 5.3 skala Richter melanda Sumba, Indonesia pada pukul 6.37 pagi hari ini.

Pusat gempa itu terletak kira-kira 1,283 km tenggara dari Sarikei, Sarawak dan ia juga tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Persediaan menghadapi banjir




Foto sumber Internet

KITA sedia maklum perubahan musim dan fenomena alam mempengaruhi keadaan cuaca negara. Monsun timur laut biasanya akan bermula pada November.

Sepanjang tempoh monsun timur laut, yang dikenali sebagai musim tengkujuh, negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia, terutamanya Kelantan dan Terengganu, akan mengalami keadaan cuaca yang lembap.

Taburan hujan biasanya dijangka meningkat setiap tibanya musim tengkujuh.

Menurut laporan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, keadaan cuaca yang lembap di Pantai Timur Semenanjung Malaysia akan berterusan hingga Disember 2017. Kelantan, Terengganu, Pahang dan timur Johor dijangka menerima hujan melebihi 500 mm. Manakala negeri-negeri lain dijangka menerima hujan pada paras yang normal bagi Semenanjung Malaysia, iaitu antara 150 mm hingga 350 mm.

Taburan hujan untuk kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia dijangka akan kembali normal dengan jumlah hujan antara 50 mm hingga 300 mm dari Januari hingga Februari 2018.

Kebanyakan tempat di Sarawak pula dijangka menerima curahan hujan pada paras normal antara 350 mm hingga 500 mm pada November dan Disember 2017.

Curahan hujan yang normal ini dijangka berterusan hingga Januari dan Februari 2018 dengan julat hujan antara 150 mm hingga 500 mm. Begitu juga Sabah yang dijangka menerima curahan hujan pada paras normal antara 200 mm hingga 500 mm untuk November dan Disember 2017.

Syabas saya ucapkan kepada Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan dan Majlis Sukarelawan Rakyat Kelantan (MeSRA) yang mengambil inisiatif untuk memberikan peringatan kepada rakyat tentang persediaan menghadapi banjir.

Begitu juga Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) yang sejak beberapa bulan lepas sudah mula memberikan latihan persediaan kepada agensi berkaitan, termasuk lebih 100 NGO yang berdaftar dengan Nadma, dalam membantu menguruskan bantuan ketika banjir.

Sebagaimana api yang ketika kecil menjadi kawan dan bila besar menjadi lawan, begitu juga banjir. Banjir di Pantai Timur, terutamanya Kelantan, sudah dianggap umpama pesta.

Ramai yang akan keluar bersiar-siar di bandar untuk melihat air yang sedang naik, mungkin ke paras betis atau lutut. Saya masih ingat ketika kecil, kami akan menggunakan tiub tayar lori yang sudah siap ditampal bahagian bocornya sebagai pelampung. Terasa begitu seronok mempunyai 'kolam mandi' yang amat besar untuk bermain air.

Ketika banjir juga kami akan memasang pukat di tepi jalan atau tali air untuk menangkap ikan puyu, ikan haruan dan ikan sepat. Setelah banjir surut pula, kami akan membuat longkang laluan air dan memasang bubu pada laluan air tersebut.

Pelbagai jenis ikan akan terperangkap dalam bubu tersebut; boleh dijadikan lauk untuk dimakan seisi keluarga. Musim hujan sebegini, jika dapat makan ubi kayu rebus yang dicicah dengan kelapa parut bergula, memang menaikkan selera.

Namun begitu, dengan aktiviti pembangunan, pergerakan muka bumi dan perubahan iklim global, banjir sekarang tidak sama seperti zaman dahulu. Ibu bapa sekarang perlu memastikan anak-anak tidak bermain air berhampiran kawasan sungai, parit atau longkang kerana dibimbangi akan dihanyutkan air deras.

Jika dulu kita mungkin hanya berjaga-jaga agar tidak terpijak ranting kayu tetapi sekarang, kita perlu lebih berhati-hati kerana air banjir juga menghanyutkan sampah sarap dan kemungkinan juga besi berkarat atau papan berpaku. Jika terpijak, bukan sahaja luka tetapi boleh menyebabkan jangkitan kuman yang lebih memudaratkan.

Orang ramai juga perlu berpindah segera jika mendapat arahan berbuat demikian daripada pihak berkuasa. Simpan barangan berharga di tempat tinggi dan pastikan pintu dan tingkap dikunci sebelum meninggalkan rumah. Juga jangan lupa membawa dokumen peribadi, ubat-ubatan, pakaian asas dan ibadah, kit kebersihan, air mineral, dan makanan asas jika ke tempat perpindahan.

Umat Islam yang menghadapi musibah banjir bolehlah mengamalkan doa seperti yang diriwayatkan dalam Hadis Riwayat Muslim, nombor 918 yang bermaksud:

“Sesungguhnya kami milik ALLAH dan kepada-Nya kami akan kembali (di hari Kiamat). Ya ALLAH! berilah pahala kepadaku dan gantilah untukku dengan yang lebih baik (dari musibahku).”

Ambil langkah sewajarnya dan berhati-hatilah menghadapi banjir.



Cuti 12,649 pegawai, anggota bomba dibekukan



Amer (dua dari kiri, depan) di majlis Penyerahan Kunci Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Kampung Chendering Pantai. FOTO Zaid Salim

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) membekukan cuti 12,649 pegawai dan anggotanya di seluruh negara sebagai langkah awal menghadapi sebarang kemungkinan banjir.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM, Datuk Amer Yusof berkata, JBPM kini berada dalam keadaan siap siaga terutama ketika negara sedang mengalami musim peralihan monsun.

"Selain membekukan cuti, kita akan membuka bilik gerakan di setiap negeri bagi menyelaras dan melakukan pemantauan selain memastikan semua keperluan peralatan serta logistik bagi kerja menyelamatkan berada dalam keadaan baik.

"Dalam masa sama, kita juga akan memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai dan anggota khususnya terhadap jentera menyelamatkan di air dipertingkatkan," katanya.

Amer berkata demikian selepas majlis Penyerahan Kunci Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Kampung Chendering Pantai, Jalan Sekolah Kebangsaan Cendering di Kuala Terengganu, hari ini.

ADVERTISING

Menurutnya, antara tindakan awal dan persediaan terkini adalah pemantauan terhadap sistem amaran awal paras air laut atau sungai serta ramalan cuaca yang dikeluarkan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atau Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Katanya, sebanyak 575 jentera membabitkan bot aluminium sebanyak 479 buah, bot fiber (enam), jet ski (71 buah) dan 15 buah bot kevlar serta empat bot penyelamat akan digunakan dalam operasi memindah dan menyelamatkan mangsa banjir disediakan untuk operasi.


"Bagi aset udara, sebanyak tujuh helikopter diletakkan dalam keadaan bersiap sedia melakukan pemantauan.

"Di Terengganu, JBPM negeri sudah menjalankan latihan simulasi bencana banjir dan pengurusan mangsa bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Empangan Kenyir pada 25 Oktober lalu," katanya.

Menurutnya, antara kawasan yang berisiko dilanda banjir di Terengganu ialah di Setiu, Jertih, Kuala Berang, Chukai dan Bandar Al-Muktafi Billah Shah di Dungun.



Aplikasi cari ikan



Aplikasi MySFI membantu nelayan menentukan lokasi penangkapan Ikan

Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (SFI) yang dibangunkan sejak 2010 mencatatkan beberapa kejayaan yang diakui bukan sahaja oleh kumpulan sasar seperti nelayan tetapi membuktikan kerjasama dalam bentuk Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) membuahkan hasil.

SFI dibangunkan melibatkan beberapa kementerian diketuai oleh **Kementerian Sains, teknologi dan Inovasi (MOSTI)** menerusi **Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)** dan agensi kerajaan lain pada 2010.

SFI mula digunakan setahun kemudian dengan matlamat membolehkan agensi perikanan negara membantu meningkatkan hasil tangkapan ikan nelayan melalui penggunaan teknologi remote sensing, Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Menurut Pegawai penyelidik, Bahagian Pembangunan Aplikasi Remote Sensing ARSM, **Muhd. Azran Muhd. Zuki** projek perintis SFI dilaksanakan di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia sepanjang tempoh antara 2007 hingga 2010 dan mula diperluaskan ke seluruh negara secara berperingkat mulai Januari 2011.

Sejak penggunaannya, antara pencapaian SFI adalah peningkatan hasil tangkapan ikan sebanyak 24 peratus, penurunan kadar import bekalan ikan negara sebanyak 40 peratus bernilai RM350 juta, meningkatkan pendapatan nelayan sebanyak 20 peratus menerusi peningkatan hasil tangkapan ikan dan memberi manfaat kepada 30,000 nelayan melibatkan 63 Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di seluruh negara.

“Antara kelebihan SFI sesuai dengan namanya adalah membantu mengenal pasti lokasi kepadatan ikan yang tinggi berdasarkan parameter biofizikal dan fizikal marin menerusi imej imej satelit oseanografi,” ujarnya.

Kata beliau, maklumat lokasi penangkapan ikan daripada Sistem FSI disebarkan melalui Gerbang SMS kerajaan, MySMS 15888 dan menerusi portal di <http://ikan.remotesensing.gov.my>.

Ekoran kejayaan tersebut pihaknya mengambil inisiatif membangunkan satu aplikasi khas yang dinamakan MyFSI iaitu bagi membantu golongan sasar dengan lebih mudah.

“MySFI adalah byproduct Sistem FSI yang dibangunkan di bawah program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) bagi memperluas dan mengoptimumkan capaian pengguna kepada maklumat lokasi penangkapan ikan.

Katanya, MyFSI mengintegrasikan maklumat FSI dengan maklumat cuaca lautan daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) yang diperlukan oleh nelayan dalam merancang operasi penangkapan ikan dan mengurangkan risiko kemalangan di laut.

Justeru dengan adanya MySFI, pengguna kini boleh mendapatkan maklumat tersebut menggunakan aplikasi telefon pintar dan juga menerusi paparan elektronik yang disediakan di enam kompleks pendaratan ikan terpilih.

Menurut Muhd. Azran lagi, pihaknya merancang untuk menambah menu pelaporan hasil pendaratan pada aplikasi MyFSI pada masa akan datang.

“Aplikasi MyFSI hanya boleh digunakan oleh nelayan yang berdaftar sahaja. Bagi nelayan yang berminat untuk mendapatkan maklumat ini, mereka boleh berhubung dengan persatuan nelayan yang berdekatan untuk pendaftaran,” ujarnya.

ARSM bangunkan 25 aplikasi

Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) setakat ini berjaya membangun dan mengoperasikan 25 aplikasi utama dan pangkalan data bersepadu yang berteraskan remote sensing, Sistem Maklumat Geografi (GIS), Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang digunakan oleh 55 agensi kerajaan.

Menurut Ketua Pengarahnya, **Azlikamil Napiah** aplikasi tersebut melibatkan pelbagai bidang seperti pertanian, perikanan, pengurusan sumber termasuklah antaranya hutan, pengurusan bencana, pengauditan, keselamatan dan kesihatan.

“Sistem ini sedang diguna pakai secara dalaman talian dan disokong oleh keupayaan sedia ada Stesen Penerima Data Satelit (SPDS) di Temerloh, Pahang yang membekalkan imej satelit secara harian,” ujarnya.

Beliau berkata, pembangunan aplikasi tersebut bergerak seiring hasrat kerajaan untuk merakytakan teknologi terutama menjelang 2030 atau mungkin 2050 sejajar dengan Transformasi Negara 2050 (TN50) dan Revolusi Industri 4.0 (4IR).

Adalah menjadi harapan beliau supaya teknologi remote sensing yang merupakan sebahagian daripada bidang ICT menjadi satu yang biasa bagi rakyat negara ini serta menjadi tunjang pembangunan negara pada masa akan datang.

Mengenai pembangunan aplikasi MySFI beliau berkata, inovasi tersebut akan ditambah baik bagi membantu golongan sasaran seperti nelayan yang memerlukan maklumat dalam operasi seharian selain membantu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan dalam hal pengurusan sumber marin negara.

Dalam masa yang sama pengurusan sumber dalam bidang akuakultur juga akan diberi penekanan dengan menggunakan aplikasi berkenaan terutama di Sabah dan Sarawak yang banyak terlibat dalam subsektor berkenaan.

“Dengan penggunaan data sentinel (satelit) kita membantu golongan sasaran ini untuk membekalkan maklumat kepada mereka yang dijangka dan berharap dapat dinikmati tahun depan,” ujarnya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA RONA) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 31 OKTOBER 2017 (SELASA)

Tiga saintis wanita diiktiraf L'Oreal-UNESCO

TIGA saintis wanita negara yang mencipta kejayaan cemerlang dalam bidang masing-masing menerima pengiktirafan tertinggi apabila terpilih meraih anugerah *L'Oreal UNESCO For Women in Science Fellowship* tahun ini.

Ketiga-tiga saintis tersebut ialah, Dr. Ho Weang Kee dari Universiti Nottingham Malaysia yang menjalankan penyelidikan mengenai mengembangkan model jangkitan risiko kanser; Dr. Liew Suet Yan dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang membina sistem mengesan tanda-tanda kemurungan; dan Dr. Teh Su Yean dari USM yang membina model menyimpan air tanah.

Sejak dimulakan 12 tahun lalu, anugerah tersebut telah diberikan kepada 38 saintis wanita dengan geran keseluruhan bernilai RM900,000, yang mana tahun ini menyaksikan peningkatan sebanyak 66 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Pada tahun ini, selain menerima geran berjumlah RM30,000 untuk digunakan bagi tujuan kajian mereka, setiap pemenang juga meraih kebolehan dalam menyampaikan idea mereka.

Ketiga-tiga saintis berkenaan berpeluang mendapat latihan membentangkan kajian mereka kepada umum, sama caranya seperti program TED Talks yang terkenal di seluruh dunia.



Anugerah yang menjadi rebutan ramai itu terbuka kepada semua pengkaji atau saintis wanita Malaysia di bawah umur 40 tahun, yang memegang gelaran ijazah doktor falsafah (PhD) atau sedang menjalani pembelajaran kajian dalam mana-mana bidang saintifik.

Anugerah itu terbuka kepada semua pengkaji atau saintis wanita Malaysia di bawah umur 40 tahun, yang memegang gelaran ijazah doktor falsafah (PhD) atau sedang melakukan kajian dalam mana-mana bidang saintifik.

Menurut Pengarah Urusan L'Oreal Malaysia, **Malek Bekdache**, tahun ini sebanyak 208 penyertaan diterima dan setiap penyertaan dipertimbang berdasarkan set kriteria yang komprehensif termasuk kepentingan projek dari segi sumbangan nilai dan merit.

"Kami berharap anugerah ini dapat meningkatkan minat dalam

sains dalam kalangan generasi muda," katanya yang hadir pada majlis penyampaian Anugerah *L'Oreal UNESCO For Women in Science Fellowship* baru-baru ini.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Datuk Seri Nancy Shukri**.

Sementara itu, Nancy berkata, negara memerlukan seramai 493,830 orang saintis dan jurutera menjelang tahun 2020, menurut Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN).

Pun begitu, katanya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mendapati bahawa terdapat kekurangan sebanyak 236,000 orang pekerja teknikal ketika ini.

Malah katanya, negara juga kekurangan pelajar dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) bagi menerajui ekonomi pengetahuan.

"Menurut **Akademi Sains Malaysia (ASM)**, hanya 21 peratus dalam kalangan mereka di sekolah menengah atasan memilih untuk mempelajari subjek sains pada tahun 2014.

"Terdapat kecenderungan menunjukkan minat yang berkurangan dalam subjek sains dalam kalangan pelajar sekolah menengah serta peningkatan jumlah pelajar yang mengambil kursus berkaitan seni di institut pengajian tinggi," katanya.

- SITI AIRUNNISA ALAUI



NANCY SHUKRI (dua dari kiri) dan **Malek Bekdache** (kanan) bersama tiga penerima anugerah *L'Oreal-UNESCO for Women in Science Fellowship* (dari tiga dari kiri) **Dr. Teh Su Yean**, **Dr. Liew Suet Yan** dan **Dr. Ho Weang Kee**.